

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan Akhbar
Press Release

3,972 bergelar graduan pada Konvokesyen ke-26 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Kota Samarahan, 31 Oktober 2022: Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-26, menyaksikan seramai 3,972 orang graduan akan memperolehi ijazah masing-masing dalam pelbagai peringkat pengajian dari Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda. Konvokesyen ini akan bermula selama 4 hari, bermula pada 31 Oktober 2022 (Isnin) sehingga 3 November 2022 (Khamis) yang melibatkan 7 sidang.


Pengisytiharan Konvokesyen ke-26 ini disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yand di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud merangkap Canselor Universiti Malaysia Sarawak pada sidang pertama yang berlangsung hari ini.

Pada sidang pertama hari ini juga akan melibatkan istiadat pengurniaan yang melibatkan 526 orang graduan dari Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana manakala 42 orang graduan daripada *Postgraduate Diploma in Higher Education Teaching and Learning* (Diploma Pascasiswazah Pendidikan UNIMAS). Manakala, 3404 orang graduan terdiri daripada graduan prasiswazah akan diraikan pada Selasa sehingga Khamis yang akan melibatkan sidang pagi dan petang.

Konvokesyen UNIMAS ke-26 ini juga akan memberikan penyampaian anugerah-anugerah akademik seperti Anugerah Pelajaran DiRaja, Anugerah Canselor dan Anugerah Pro Canselor kepada graduan yang terpilih menerusi kecemerlangan mereka dalam akademik dan ko-kurikulum sepanjang pengajian di universiti ini. Anugerah ini akan diberikan kepada graduan di peringkat Sarjana Muda. Bahkan, konvokesyen ini juga akan meraikan 38 graduan kohot pertama Ijazah Sarjana Muda Program Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, yang mendapat tajaan biasiswa penuh daripada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak.

31 Oktober 2022

Bahagian Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 581216
Fax +60 82 665088
Email:
azadnurlisa@unimas.my



Dalam sidang pertama hari ini yang hanya berlangsung sebelah pagi, turut dihadiri oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, Ybhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, Ybhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti yang lain.

U N I M A S